

**KAJIAN PEMAHAMAN *AL-QARD & AL-DAYN* DI  
KALANGAN PELAJAR-PELAJAR DI PERINGKAT  
INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DI  
DAERAH BRUNEI & MUARA**

Siti Ramizah Hj Rusjdi<sup>1</sup>  
Mas Nooraini Hj Mohiddin<sup>2</sup>

**Abstrak**

*Al-Qard* (pinjaman) dan *Al-Dayn* (tanggungan atau hutang) dua perkataan yang memberi makna yang serupa akan tetapi sebenarnya berbeza. Kajian ini meninjau sejauh mana kefahaman pelajar-pelajar berkaitan terma ini. Menerusi kebiasaan pelajar-pelajar, mereka menganggap ungkapan bagi kedua-dua terma ini adalah sama dan menimbulkan salah faham yang mendatangkan impak yang berterusan lebih-lebih lagi apabila menyentuh bab transaksi kewangan. Kepentingan isu ini diketengahkan adalah bertujuan agar pelajar-pelajar lebih peka akan perbezaan keduanya dan secara langsung dapat meluaskan lagi ilmu ini di kalangan masyarakat luar. Metod kajian akan dijalankan dengan merujuk kepada artikel, kertas kerja, jurnal dan juga kajian soal selidik melalui atas talian (*online*) yang lebih memfokuskan kepada golongan pelajar-pelajar institut pengajian tinggi sahaja. Objektif penulisan adalah bertujuan untuk memberi kesedaran akan kepentingan perbezaan kedua-dua istilah ini yang sepatutnya diketahui di peringkat awal lagi lebih-lebih lagi bagi pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi bahawa kedua-dua istilah berikut adalah

---

<sup>1</sup> Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syarie. Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Email: 21G01007@siswa.edu.bn

<sup>2</sup> Pengarah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i. Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Email: masnooraini.mohiddin@unissa.bn

berbeza dan tidak serupa. Hasil dapatan merumuskan bahawa majoriti responden iaitu lebih daripada 50% berpendapat bahawa terma tersebut adalah sama dan tidak berbeza. Justeru kajian ini diharapkan sedikit sebanyak menyumbang ke arah peningkatan kefahaman mengenainya. Meskipun nampak *simple* tapi pandangan mereka mampu memberi impak yang besar dalam meningkatkan kesedaran mengenai kewangan Islam secara amalan kebiasaan (praktikal) bukan sahaja melalui pembelajaran (teori).

**Kata kunci:** *Al-Qard & Al-Dayn - Perbezaan – Pelajar-Pelajar Institut Pengajian Tinggi – Brunei & Muara*

## THE STUDY OF UNDERSTANDING AL-QARD & AL-DAYN AMONG STUDENTS OF HIGHER EDUCATION INSTITUTES IN BRUNEI & MUARA

### *Abstract*

*Al-Qard (loan) and Al-Dayn (dependent or debt) are two words that give quite similar meanings but are actually different. This study was conducted to assess the students' understanding of these two terms. Through the habits of students, they consider the expressions for these two terms to be the same and cause misunderstandings that have a lasting impact, especially when it comes to Islamic financial transactions. The importance of this issue is highlighted and intended for students to be more alert of the difference between these two and they will directly convey this knowledge to the community widely. The methodology of this study is derived from references obtained from books, articles, paperwork and an online survey which focuses more on the students of higher education institutes only. The objective of the study is to give awareness of the importance of differences between these two terms which should be known at the early stage, especially by students of higher*

*education institutes. The results concluded that the majority of respondents, more than 50%, thought that the terms were the same. Therefore, this study is expected to contribute to an increase in understanding about it. Although it seems simple, their views can have a big impact on raising awareness about Islamic finance practically, not only through learning (theory).*

**Key words:** *Al-Qard & Al-Dayn – Differences – Students Institute of Higher Education – Brunei & Muara*

## Pendahuluan

*Al-Qard* dan *Al-Dayn* di dalam muamalat mempunyai konsep yang hampir sama iaitu kedua-duanya berhubung-kait dengan perihal hutang-piutang atau pinjaman. Hakikatnya menurut pandangan syarak kedua-dua *Al-Qard* dan *Al-Dayn* ini mempunyai kaedah-kaedahnya tersendiri yang berbeza-beza dan pelbagai mengikut sesuatu keadaan, situasi dan zaman tertentu. Selain hukum-hukum penggunaannya, rukun-rukunnya juga berbeza-beza, terdapat juga pandangan-pandangan atau pendapat-pendapat lain yang pelbagai terdiri daripada pandangan mazhab-mazhab dan juga daripada pendapat ulama-ulama mengenainya. Tiada istilah khusus dalam Bahasa Melayu yang menggambarkan perbezaan kerana kedua-duanya berkaitan dengan pinjaman dan tanggungan. Antara persoalan yang sering kali timbul ialah seperti adakah pinjaman/hutang yang berkonseptkan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* ini lebih menjerumus kepada wang sahaja atau sebaliknya dan adakah semua hutang dan pinjaman itu digelar sebagai *Al-Dayn* serta bilakah situasi atau keadaan hutang-piutang itu bertukar dan digelar sebagai kaedah *Al-Qard*? Timbulnya pendapat-pendapat daripada mazhab-mazhab dan ulama-ulama ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat khususnya untuk mengenal pasti kaedah penggunaan konsep hutang-piutang atau pinjaman yang betul dan sesuai dengan keadaan dan situasi masa kini.

## Definisi *Al-Qard*

*Al-Qard* (القرض) dalam Bahasa Arab disebut sebagai pinjaman atau hutang. *Al-Qard* dari segi bahasa bermaksud potong. Kata nama perkataan ini pula membawa maksud satu barang yang diberikan kepada seseorang sebagai hutang. Perkataan ini digunakan dalam Bahasa Arab kerana ia (hutang) memotong hak pemilik terhadap barang tersebut (Hammad, 2001).

Dalam Bahasa Arab, proses ini dinamakan *Al-Qard* kerana proses ini menyebabkan tuan punya barang memotong sebahagian hak miliknya untuk diberikan kepada penghutang. Ini sesuai dengan makna *Al-Qard* dari segi bahasa. Penduduk Hijaz pula menyamakan dan membahasakan *Al-Qard* sebagai *salaf*. Dengan itu, ungkapan (أسلفتُ) yang maksudnya ‘aku dahulukan’ boleh digunakan untuk akad ini (Zulkifli, 2011).

*Al-Qard* juga dikenali sebagai *Al-Qard Al-Hassan* yang bermaksud pinjaman yang baik. Ia merupakan keprihatinan seseorang untuk melakukan kebajikan dengan membantu saudaranya yang berada dalam kesempitan khususnya dalam aspek kewangan. Oleh itu, peminjam hanya perlu membayar jumlah wang yang dipinjam sahaja tanpa dikenakan faedah.

Konsep kebaikan dalam kontrak ini juga menjurus kepada sifat toleransi dan prihatin peminjam yang boleh memberikan saguhati berbentuk wang kepada pemutang sewaktu melunaskan hutangnya sebagai tanda penghargaan kepada pemutang kerana memberikan bantuan dalam keadaan terdesak (Shahnaz, t.t).

Menurut istilah para fuqaha pula, *Al-Qard* (pinjaman atau hutang) ialah memberi hak milik sesuatu barang kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan (Al-Misbah, 2007). Menurut pandangan mazhab-mazhab mengenai *Al-Qard* atau *Al-Qard Al-Hassan* ialah seperitimana berikut:

1. Menurut mazhab Hanafi; *Al-Qard* adalah sesuatu yang dimiliki oleh seseorang lalu diberikan kepada orang lain. Kemudian orang yang diberikan sesuatu itu mengembalikannya tanpa ada imbalan atau tambahan.  
*Al-Qard* juga ialah pemberian harta *mithli* oleh seseorang kepada seseorang yang lain supaya dia membayarnya semula atau dengan ungkapan yang lain sesuatu akad yang khusus mengenai penyerahan harta *mithli* kepada seseorang supaya orang itu memulangkan kembali harta *mithli* yang sama sepertinya (Wafa, 2010).
2. Menurut mazhab Maliki; *Al-Qard* adalah pembayaran dari sesuatu yang berharga dari pinjaman yang diberikan dengan jumlah yang sama (Al-Jaziri, t.t).
3. Menurut mazhab Syafi'e; *Al-Qard* adalah memindahkan pemilikan sesuatu kepada seseorang, dan ia perlu membayar kembali kepadanya (Al-Ramly, 2001).
4. Menurut mazhab Hambali; *Al-Qard* adalah pembayaran wang kepada seseorang yang memperolehi manfaat daripadanya dan kemudian mengembalikan sesuai dan kadarnya (Abd Rahman, t.t).

## DEFINISI *AL-DAYN*

*Al-Dayn* (الدين) pula dari segi bahasa bermaksud tunduk (خضع), patuh (ذل) dan taat (أطاع). Ia merujuk kepada sesuatu (yang berbentuk harta) yang diberikan oleh seseorang kepada seseorang lain dan menghendaki orang yang diberikan harta tersebut untuk memulangkan kembali kepadanya semula.

Dari segi istilah pula ialah sesuatu harta yang sabit atas tanggungan seseorang dengan berlakunya sebab-sebab yang menentukan pensabitannya (Abu Al-Fadl, 2003),

Ulama membahagikan *Al-Dayn* kepada dua jenis: (Wahbah Al-Zuhaily, 2009)

- 1) Umum: Iaitu hak atau tanggungjawab yang wajib ditunaikan oleh seseorang yang menanggung beban hutang di masa hadapan;
- 2) Khusus: Menurut Jumhur majoriti ulama iaitu sebarang kewajipan dalam bentuk kewangan ke atas seseorang yang terjadi kesan daripada pertukaran transaksi, kerosakan harta benda, kecederaan ataupun untuk melunaskan hak-hak Allah seperti zakat.

Ulama empat mazhab berselisih pendapat mengenai *Al-Dayn* antaranya seperti berikut:

- 1) Majoriti fuqaha dari Mazhab Syafi'e, Maliki dan Hanbali mendefinisikan *Al-Dayn* dalam bentuk umum iaitu ‘sesuatu yang sabit atas tanggungan seseorang daripada harta dengan berlakunya sebab-sebab yang menentukan pensabitannya’ (Al-Ramly, 1938).
- 2) Mazhab Hanafi beranggapan hutang itu adalah sesuatu yang bersifat *Mal Hukmi* (satu bentuk harta

yang tidak boleh dilihat), dan ia dianggap sebagai harta kerana keperluan dan hajat manusia kepadanya dalam urusan muamalat mereka sehari-hari (Wafa, 2010).

Perkataan *Al-Dayn* ini menurut perundangan Islam mencakupi ruang lingkup yang amat luas iaitu bayaran kepada harga barang, bayaran kepada *Al-Qard* (pinjaman/hutang), bayaran mahar (mas kahwin) (iaitu mahar yang belum dibayar selepas akad nikah), bayaran sewa, ganti rugi yang mesti dibayar kerana jenayah, ganti rugi atas kerosakan yang dilakukan, jumlah wang yang mesti dibayar kerana tebus talak dan barang pesanan yang belum sampai (*muslam fih*). Maksudnya hutang di sini tidak semestinya dalam bentuk harta semata-mata bahkan merangkumi segala sesuatu yang sabit dalam tanggungan seseorang sama ada berupa harta atau hak.

Manakala *Al-Dayn* (الدين) menurut undang-undang semasa adalah sesuatu pekerjaan yang mana seseorang itu wajib melaksanakannya sama ada tanggungan itu berupa *zimmah* atau *ain*. Seperti harga barang, bayaran hutang, upah sebagai ganti manfaat dan lainnya (Abdul Hamid, 2016).

Ini berbeza pula dengan *Bay Al-Dayn* (بيع الدين) kaedah penjualan hutang yang wujud hasil daripada akad pertukaran yang mana akad pertukaran tersebut terdapat beberapa jenis kontrak seperti *bay al-salam*, *istisna'*, *murabahah* dan *ijarah*. (Samih, 1980).

Dapatlah dirumuskan bahawa *Al-Qard* merupakan sebahagian daripada *Al-Dayn* dan tidak sebaliknya. Setiap *Al-Qard* adalah dianggap sebagai *Al-Dayn*, namun bukan semua *Al-Dayn* (tanggungan) dianggap sebagai *Al-Qard* (pinjaman).

## Definisi *Al-Qard* & *Al-Dayn* Menurut Bahasa Melayu

Secara umumnya *Al-Qard* dalam bahasa Melayu dikenali sebagai ‘pinjaman’ atau ‘hutang’. Manakala *Al-Dayn* pula lebih umum walaupun hakikatnya di dalam *Al-Dayn* itu sendiri mengandungi pinjaman atau hutang di dalamnya, akan tetapi secara umumnya *Al-Dayn* ini lebih dikenali kerana sisi ‘tanggungan’nya atau ‘hutang’nya.

Menurut kamus Dewan (2017), maksud ‘pinjaman’ ialah bukan hanya terbatas kepada wang bahkan meliputi aset lain selama mana ia boleh dipinjam seperti kenderaan dan sebagainya.

Manakala ‘tanggungan’ pula bermaksud sesuatu yang mesti ditanggung, kewajipan, tanggungjawab, hak, akibat perbuatan yang mesti dipertanggungkan atau perbuatan yang mendatangkan risiko dan akibatnya akan ditanggung oleh si pelaku; kewajipan yang dikenakan terhadap seseorang di bawah undang-undang (Kamus Dewan, 2017).

Adapun ‘hutang’ atau ‘pembiayaan’ pula memberi makna bantuan kewangan, membiayai atau membelanjai (Kamus Dewan, 2017).

Dapat dilihat di sini bahawa *Al-Qard* dan *Al-Dayn* menurut istilah dalam bahasa Melayu, kedua-duanya berkongsi makna yang lebih kurang sama. Maka tidak hairanlah jika masyarakat Melayu lebih-lebih lagi dalam kalangan pelajar-pelajar beranggapan bahawa kedua-duanya adalah pinjaman atau hutang kerana perkongsian makna yang hampir sama dan serupa. Ini berbeza dengan Bahasa Arab yang lebih terperinci dalam menafsirkan perbezaan kedua-dua *Al-Qard* dan *Al-Dayn*. Ini disebabkan tiada istilah khusus yang merujuk kepada ‘tanggungan’ dan ‘hutang

dalam satu terma jika dibandingkan dengan pengertian yang digunakan dalam Bahasa Arab.

Juga disertakan jadual di bawah untuk perbandingan pengertian dan definisi *Al-Qard* dan *Al-Dayn* dari segi Bahasa Arab dan Bahasa Melayu secara komprehensif:

Bahasa Arab		Bahasa Melayu	
<i>Al-Qard</i>	Memberi hak milik sesuatu barang kepad orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan.	Pinjaman	Bukan hanya terbatas kepada wang bahkan meliputi aset lain selama mana ia boleh di pinjam seperti kenderaan dan sebagainya.
<i>Al-Dayn</i>	Sesuatu harta yang sabit atas tanggungan seseorang dengan berlakunya sebab-sebab yang menentukan pensabitannya.	Tanggungan	Sesuatu yang mesti ditanggung, kewajipan, tanggungjawab, hak, akibat perbuatan yang mesti dipertanggungkan atau perbuatan yang mendatangkan risiko dan akibatnya akan ditanggung oleh si pelaku; kewajipan yang dikenakan terhadap seseorang di bawah undang-undang.

<i>Al-Ariyah</i>	Membolehkan kepada orang lain mengambil manfaatnya dengan tidak merosakkan zatnya dan dikembalikan setelah diambil manfaatnya dalam keadaan tetap dan tidak rosak zatnya.	Hutang / Pembiayaan	Bantuan kewangan, membiayai atau membelanjai.
------------------	---	---------------------	---

### Pembahagian *Al-Dayn*

Fuqaha membahagikan *Al-Dayn* kepada beberapa bahagian, antaranya: (Abu Ishaq, t.t)

1. *Al-Dayn* dari sudut penghutang (*al-madin*) sama ada ia hutang yang mudah dibayar (*al-musir*) dan sukar dibayar (*al-mu'sir*).
2. *Al-Dayn* dari sudut pemutang (*al-dain*) mempunyai dayn Allah (hak hutang kepada Allah Taala seperti zakat dan sebagainya) dan *dayn Al-Abd* (hak hutang sesama manusia seperti harga jualan dan sebagainya).
3. *Al-Dayn* dari sudut tanggungan (*al-dhimmah*) dan barang ('ayn). Iaitu hutang yang menjadi komitmen penghutang untuk membayarnya. 'Ayn pula hutang yang tidak mengikat penghutang sama ada perlu menjelaskan hutang barang itu sendiri atau hutang untuk mendapat manfaatnya seperti manfaat rumah kediaman dan lain-lain.
4. *Al-Dayn* dari sudut tetap dan tidak tetap. Hutang tetap ialah hutang yang telah sabit secara pasti dan tidak ada kemungkinan untuk gugur seperti mas kahwin selepas bersama isteri, ganti rugi ke atas kerosakan dan lain-lain.

Hutang yang tidak tetap pula ialah sebaliknya seperti setengah mas kahwin sebelum bersama isteri (Abu Ishak, t.t).

5. *Al-Dayn* dari sudut kekuatan dan kelemahan. Hutang kuat ialah seseorang penghutang tetap dengan hutangnya sekalipun muflis atau terhalang untuk menjelaskan hutangnya. Hutang lemah pula ialah barang pertukaran yang tidak mempunyai harta seperti mas kahwin.
6. *Al-Dayn* dari sudut perkongsian dan berasingan. Hutang yang berkongsi ialah hutang yang berada dalam tanggungan beberapa orang dengan satu sebab seperti sekiranya dua orang atau lebih menjual sesuatu yang berkongsi antara mereka dengan satu kontrak. Hutang berasingan pula ialah yang mempunyai pelbagai sebab atau bukan kerana satu sebab seperti sekiranya dua orang atau lebih menjual sesuatu kepada seseorang dengan kontrak yang berasingan.
7. *Al-Dayn* dari sudut baik (*sahih*) dan tidak baik (*ghair sahih*). Hutang baik ialah hutang yang tetap yang tidak gugut dengan pembayaran atau rebat seperti hutang pinjaman, mas kahwin dan lain-lain. Hutang tidak baik pula ialah hutang yang gugur tanpa pembayaran atau rebat dengan sebab lain seperti hutang pembayaran penebusan diri hamba, yang gugur disebabkan kelemahan hamba mukatab untuk membayarnya (Ali, t.t).
8. *Al-Dayn* dari sudut waktu pembayaran sama ada *dayn mua'jjal*, *dayn hal* dan *dayn muqsit*. *Dayn mua'jjal* ialah melunaskan pada waktu tertentu seperti tempoh matang. *Dayn hal* pula ialah hutang yang wajib dibayar ketika dituntut oleh pemutang atau hutang yang sudah tiba masa waktu pelunasannya. Manakala *Dayn muqsit* pula ialah tempoh bayaran secara ansuran pada waktu tertentu yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

9. *Al-Dayn* dari sudut umum dan khusus. Hutang umum ialah yang menjadi tanggungan seseorang daripada hartanya manakala hutang khusus pula setiap tanggungan seseorang sama ada berbentuk harta atau selainnya.
10. *Al-Dayn* dari sudut tuntutan pembayaran iaitu hutang ke atas orang hidup dan hutang ke atas si mati. Hutang yang hidup dituntut ketika ia masih hidup manakala yang telah mati dituntut daripada warisnya.
11. *Al-Dayn* dari sudut keutamaan pembayaran iaitu *dayn mumtaz* dan *dayn 'adi*. *Dayn mumtaz* ialah hutang yang berkait dengan harta penghutang atau barang tertentu daripada hartanya manakala *dayn 'adi* ialah hutang yang dalam tanggungan penghutang sahaja (Nasir, 2007).
12. *Al-Dayn* dari sudut kuat atau lemahnya pembuktian kebenarannya (*dayn al-sihhah* dan *dayn al-marad*). *Dayn al-sihhah* ialah hutang yang kebenarannya dapat dibuktikan dengan surat keterangan, pernyataan bertulis dan sebagainya. Manakala *dayn al-marad* pula adalah hutang yang hanya didasarkan atas pengakuan dari orang yang berhutang ketika ia sedang sakit parah yang beberapa saat sebelum meninggal dunia.

### **1.1 Dalil dan Hikmah Pensyariatan Dalil Pensyariatan *Al-Qard* dan *Al-Dayn***

Pinjaman dan hutang dibenarkan dan bertepatan dengan syarak. Orang yang memerlukannya dibenarkan dan disunatkan meminta tanpa perlu rasa bersalah. Malah ia menjadi tanggungjawab orang yang diminta. Ini ada dinyatakan di dalam al-Quran Al-Karim dan Ijma' Ulama'. Berdasarkan al-Quran sepertimana Firman Allah Subhanahu Wataala:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَعِّفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً

Mafhumnya: “*Siapakah orang yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya?*” (Al-Baqarah:245).

Manakala, berdasarkan As-Sunnah pula, sepetimana hadis daripada Ibnu Mas’ud *Radhiyallahu Anhu*, bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

Yang maksudnya: “*Sesiapa di kalangan orang Islam yang memberi hutang kepada orang Islam yang lain sebanyak dua kali, niscaya hutang itu akan dikira seolah sedekah yang diberikannya sebanyak sekali*” (Ibnu Majah, t.t, 2430).

Selain itu, Hadis Abu Hurairah *Radhiyallahu Anhu*, bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

Yang maksudnya: “*Sesiapa yang mengambil hak milik orang (berhutang) dan dia mahu membayarnya semula niscaya Allah akan membayarkannya untuknya. Sesiapa yang mengambilnya untuk memusnahkannya (tidak mahu membayarnya) niscaya Allah akan musnahkannya (mengazabkannya)*” (Bukhari, 1993, 2257).

Adapun menurut Ijma’ Ulama’; seluruh umat Islam telah mengamalkan sistem ini semenjak zaman Rasulullah ﷺ sehingga ke zaman ini. Para Ulama’ pula telah menerima sistem ini dan tiada seorang pun yang menentangnya. Kesepakatan ulama’ didasari tabiat manusia yang tidak boleh hidup tanpa dilandaskan oleh sikap membantu atau tolong-menolong. Oleh kerana itu, pinjam meminjam sudah menjadi satu bahagian dari kehidupan. Agama Islam adalah agama yang sangat memperhatikan segenap keperluan umatnya.

Keharusan melakukan aktiviti berhutang (*Al-Dayn*) diterangkan dalam al-Quran:

يَتَأْكِلُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَآيَنُوا بِدِينٍ إِلَى أَجْكِلٍ مُسْكَنَ فَأَكْتُبُوهُ  
وَلَيَكُتبَ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ

Mafhumnya: “Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang (yang diberi tempoh) hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar)” (Al-Baqarah:282).

*Al-Dayn* dalam ayat di atas merangkumi semua jenis kontrak-kontrak hutang (عقود المدaiنات) yang diharuskan penangguhan padanya. Ayat ini juga menggesa supaya dicatatkan setiap transaksi pinjaman/hutang oleh pencatat yang adil (Abu Bakr, t.t).

Manakala, menurut As-Sunnah pula, antaranya ialah sabda Rasulullah ﷺ kepada seorang lelaki yang bertanya tentang hukum mengqadha puasa bagi ibunya yang telah mati yang maksudnya: “*Ya, maka hutang Allah lebih berhak untuk ditunaikan*” (Muslim, 2010, 1148).

Tidak ada nas yang umum atau kata sepakat (ijmak) di kalangan para fuqaha tentang pengharamannya secara mutlak. Para fuqaha menggunakan perkataan *Al-Dayn* dalam pengertiannya yang umum yang merujuk kepada sesuatu yang sabit pada tanggungan sama ada daripada hak Allah atau hak manusia. *Al-Dayn* dalam pengertiannya yang khusus iaitu sesuatu yang sabit pada tanggungan seseorang kerana akad, hutang, *qarabah*, *musaharah* dan sebagainya (Wahbah Al-Zuhaily, 2009).

## Hikmah Pengharusan *Al-Qard* dan *Al-Dayn*

Hikmah pensyariatan membenarkan amalan ini cukup jelas iaitu merealisasikan kehendak Allah yang mahukan wujudnya suasana tolong-menolong untuk tujuan kebaikan dan ketakwaan sesama umat Islam. Di samping itu, amalan ini juga dapat memantapkan lagi hubungan persaudaraan sesama umat Islam dengan cara mengajak mereka supaya menghulurkan bantuan kepada mereka yang ditimpa kesusahan dan kesengsaraan.

Melaluinya juga mengajak mereka supaya berusaha menyelesaikan masalah secara bekerjasama. Mungkin ini ada sesetengah orang tidak dapat menyumbangkan duit dalam bentuk hadiah atau sedekah, maka dengan cara memberi hutang dan menjadi cara yang terbaik untuk mewujudkan kerjasama dan membuat kebajikan.

Hikmah yang paling ketara apabila syarak mensyariatkan hutang ialah menghalang manusia mengambil kesempitan daripada kesusahan dan hajat orang lain. Biasanya, manusia tidak akan berhutang kecuali apabila perlu. Jika tidak disyariatkan hutang yang baik (*Al-Qard Al-Hassan*), sudah tentu ia akan diambil alih oleh riba atau penindasan.

Inilah keadaan yang berlaku kepada mereka yang tidak mengamalkan hutang yang baik. Atas dasar ini, terdapat hadis yang menyebut, ganjaran bagi memberi hutang adalah lebih tinggi daripada ganjaran memberi sedekah. Anas *Radhiallahu Anhu* meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

Yang maksudnya: “*Pada malam Isra' saya melihat di pintu syurga ada tercatat: Sedekah digandakan 10 kali ganda dan memberi hutang akan digandakan 18 kali ganda. Aku*

*bertanya: Wahai Jibril! Kenapa hutang lebih baik daripada sedekah? Jibril menjawab: Sebab orang yang meminta sedekah meminta dalam keadaan dia masih memiliki sesuatu, sedangkan orang yang berhutang akan hanya berhutang kerana perlu” (Ibnu Majah, t.t, 2431).*

Kedua-dua dalil daripada al-Quran dan al-Hadis yang dinyatakan di atas menjurus kepada persoalan pinjaman/hutang. Ayat al-Quran di atas menekankan kepada perlunya dicatatkan transaksi pinjaman/hutang yang berlaku sesama manusia agar dapat dihindari kemudaratian yang mungkin berlaku kemudian hari.

Hadis yang telah dibincangkan di atas pula menjurus kepada makna hutang dalam pengertian yang umum dan khusus dalam memikul tanggungjawab untuk menyelesaiakannya. Sebagai contoh kontrak ganti rugi yang perlu dibayar ke atas barang atau harta yang dirosakkan dan barang atau harta tersebut bukan miliknya. Adalah menjadi kewajipan kepada individu yang merosakkan barang atau harta tersebut untuk mengganti semula barang yang telah dirosakkannya serta menjadi satu dosa jika dia tidak menggantikannya melainkan pemilik barang tersebut redha atas kerosakan barang miliknya itu.

Dari sini dapat dilihat bahawa agama Islam mengajar umatnya untuk sentiasa melakukan kebaikan dan kebajikan sesama mereka. Selain mendidik umatnya untuk menjadi seorang muslim yang bertanggungjawab atas perbuatannya atau kesalahannya sama ada sengaja atau tidak. Secara langsung dapat menanamkan dalam diri setiap muslim itu sifat jujur, amanah dan berdisiplin. Melalui sifat-sifat ini sekaligus dapat melahirkan umat yang mantap syahsiahnya.

## 2.1 Hukum *Al-Qard* dan *Al-Dayn* Hukum *Al-Qard*

Hukum-hukum yang berhubung kait dengan *Al-Qard* (pinjaman/hutang) adalah mengikut sesuatu keadaan dan situasi tertentu, seperti mana berikut (Zulkifli, 2011):

- i. Wajib: Jika pemutang mengetahui orang yang berhutang amat memerlukan hutang tersebut untuk menampung kehidupannya dan keluarganya serta tiada cara lain untuk dia memperolehnya kecuali dengan cara berhutang.  
Seseorang wajib berhutang jika dalam keadaan terpaksa sebagai menghindarkan dirinya daripada sebarang bahaya sebagai contoh untuk membeli makanan atau keperluan lain agar dirinya terhindar daripada kelaparan atau apa-apa keadaan yang mendatangkan kesengsaraan pada dirinya.
- ii. Haram: Jika pemutang mengetahui hutang tersebut akan digunakan untuk tujuan yang diharamkan seperti minum arak, judi dan sebagainya.
- iii. Makruh: Jika pemutang mengetahui hutang tersebut akan digunakan untuk perkara yang tidak bermanfaat atau bertujuan untuk menunjuk-nunjuk ataupun penghutang mengetahui bahawa dia tidak mampu membayar semula hutang tersebut.
- iv. Harus: Jika seseorang yang berhutang itu meminjam bukan kerana adanya keperluan yang mendesak, tetapi sebagai menambah modal perniagaannya atau perdagangannya kerana berkeinginan untuk mendapat keuntungan yang lebih besar.

### Hukum *Al-Dayn*

Konsep *Al-Dayn* adalah lebih umum dan terbuka terutama dari segi akadnya yang tidak tertumpu kepada akad pinjaman atau hutang-piutang sahaja. Adalah menjadi hukum wajib

untuk membayar hutangnya ke atas keadaan dan situasi berikut, antaranya:

- i. Bayaran ke atas sewa;
- ii. Bayaran kepada harga barang;
- iii. Ganti rugi yang mesti dibayar kerana jenayah (*arsy*);
- iv. Ganti rugi disebabkan kerosakan yang dilakukan ke atas sesuatu harta yang bukan menjadi miliknya;
- v. Suami wajib membayar mahar (mas kahwin) kepada isterinya selepas akad nikah, jika dia tidak membayarnya, suami dianggap berhutang kepada isterinya;
- vi. Jumlah bayaran yang mesti dibayar isteri kerana perceraian melalui *khulu'* (tebus talaq);
- vii. Barang pesanan yang belum sampai (*muslam fih*);
- viii. Bayaran kepada *Al-Qard* (hutang).

Jika orang yang berhutang tersebut tidak melunaskan hutangnya mengikut contoh-contoh keadaan dan situasi di atas, maka hukumnya adalah haram. Jelas di sini konsep *Al-Dayn* merangkumi semua termasuk *Al-Qard*, tetapi tidak semua *Al-Qard* termasuk dengan *Al-Dayn* kerana konsep *Al-Qard* yang lebih kecil dan tidak luas.

### **2.3 Syarat *Al-Qard* dan *Al-Dayn***

#### **Syarat *Al-Qard***

Syarat-syarat bagi *Al-Qard* antaranya ialah sepertimana berikut (Zulkifli, 2011):

1. Kadar hutang diketahui ketika hutang dibuat, sama ada dalam bentuk sukatan, timbangan, bilangan atau ukuran, supaya barang ini boleh dipulangkan seumpama dengannya;
  - i. Jika pembiutang memberikan wang dirham tanpa diketahui jumlahnya atau makanan tanpa

diketahui sukatannya atau timbangannya, hutang tersebut tidak sah. Begitu juga jika hutang tersebut berupa makanan yang siap dimasak, hutang tersebut tidak sah kerana sukatan masakan tersebut berbeza dan tidak diketahui.

- ii. Perkara yang perlu diambil kira bagi barang yang disukat atau sebagainya ialah ukuran yang diguna pakai oleh syarak. Jika tidak terdapat dalam syarak, ia perlu merujuk kepada amalan (*urf*) kebiasaan yang diguna pakai.
2. Hutang tersebut mestilah satu bahagian dan tidak bercampur dengan bahagian yang lain; ini kerana dalam keadaan seperti ini sukar untuk memulangkan barang yang seumpama dengannya terutama jika kadar campuran tidak diketahui. Dengan ini, tidak dibenarkan memberi hutang gandum yang dicampur dengan barli atau susu yang dicampur dengan air.
3. Kerelaan dua pihak yang melakukan akad.
4. Dana yang akan digunakan ada manfaatnya dan halal.

Manakala bagi syarat-syarat *Al-Dayn* pula, adalah tertakluk kepada situasi dan keadaan tertentu sebagai contoh membayar *asry* kerana jenayah yang dilakukannya iaitu mencederakan. Maka, merujuk keadaan di atas perlulah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh agama Islam tentang cara, kaedah dan kadar tanggungan yang perlu dibayarnya kepada mangsa yang dicederakannya itu. Maksud *arsy* ialah (jumlah tertentu yang ditetapkan oleh *muqaddar* atau jumlah tertentu yang tidak ditetapkan (*ghairu muqaddar*) oleh Hukum Syara' bagi ganti rugi yang dikenakan bayaran kepada mangsa kerana kecederaan). (Warta Kerajaan, 2018)

## Syarat *Al-Dayn*

Adapun syarat asas bagi *Al-Dayn* antaranya ialah sepermata berikut (Aini, Azzah, Suhaili, 2017):

1. Dua pihak yang berkontrak itu perlulah mempunyai keahlian seperti merdeka, baligh, berakal, bebas memilih dan mampu dipertanggungjawabkan ke atasnya (Al-Wizarah, 1992).
2. Adapun jika anak kecil atau kanak-kanak yang pandai memilih akadnya hukumnya tetap sah asalkan mendapat keizinan daripada walinya.
3. Kedua-dua penghutang atau orang yang bertanggungan dan pemutang atau orang yang ditanggung perlulah mendatangkan saksi atau melalui perjanjian bertulis.
4. Perlulah didahului dengan akad daripada kedua belah pihak dan perlulah ada redha di antara keduanya semasa akad itu dibuat.
5. Tanggungan yang perlu dibayarnya itu perlulah halal dan bukan bersumberkan daripada yang haram atau bercampur dengan yang haram seperti membayar tanggungan dengan seekor khinzir atau membayar dengan sebotol arak dan seumpama dengannya.

## 2.4 Kelebihan Serta Hikmah *Al-Qard* dan *Al-Dayn*

*Al-Qard Al-Hassan* memberi banyak manfaat antaranya (Mardani, 2012):

1. Membolehkan pelanggan yang sedang dalam kesukaran yang mendesak untuk mendapatkan pertolongan kewangan yang terdiri daripada pengusaha-pengusaha kecil dalam jangka masa yang pendek.
2. Melalui konsep *Al-Qard Al-Hassan* ini juga akan menimbulkan suasana sosial kemasyarakatan yang baik, bahkan secara langsung akan meningkatkan imej yang baik kepada institusi kewangan Islam.

3. Selain itu juga, melalui pengamalan konsep ini, sekaligus dapat menghasilkan pelanggan tetap dengan bank-bank atau institusi kewangan Islam pilihan mereka.
4. Peniaga atau pengusaha kecil memperolehi bantuan dari bank syariah untuk mengembangkan lagi perusahaannya atau perniagaannya. Iaitu sebagai antara langkah bank syariah dalam membantu masyarakat miskin melalui misi sosial mereka.
5. Dapat membantu pelanggan memilih pilihan yang bijak dengan mendapatkan pinjaman kewangan dari bank syariah berbanding melalui pemberi pinjaman wang yang lain yang berkemungkinan mendatangkan kemudharatan kepada pelanggan di masa akan datang.
6. Pendeposit mempunyai persepsi yang lebih baik terhadap akaun simpanan yang berdasarkan kepada kontrak *Al-Qard* kerana memberikan lebih manfaat kepada pendeposit itu sendiri. Perkara ini telah membantu pembuatan keputusan pendeposit dalam memilih institusi kewangan pilihan untuk mereka membuka akaun simpanan dan menyimpan wang dalam akaun tersebut.

Manfaat yang boleh diperolehi daripada pemakaian *Al-Dayn* ini banyak mengikut situasi dan keadaan yang tertentu antaranya ialah seperti:

1. Membayar sejumlah bayaran sebagai ganti rugi kerana melakukan jenayah (*arsy*); bertujuan agar penjenayah tersebut tidak mengulangi kesilapannya itu. Ini secara langsung dapat memberi kesedaran dan pendedahan kepada orang lain agar tidak melakukan kesalahan yang sama.
2. Ganti rugi disebabkan kerosakan yang dilakukan ke atas suatu harta yang bukan menjadi miliknya; dengan mengganti barang tersebut dapat memupuk sifat rasa tanggungjawab ke atas kecuaian

atau tingkah lakunya. Ini kerana harta tersebut merupakan hak pemilik asalnya, oleh itu apa-apa kerosakan yang terbit daripada orang lain (bukan pemilik asal) adalah merupakan tanggungjawab mereka untuk mengganti semula dengan barang yang sama atau senilai dengannya.

3. Suami wajib membayar mahar (mas kahwin) kepada isteri; sudah menjadi tanggungjawab suami untuk membayar mahar (mas kahwin) tersebut kepada isteri dan jika dia tidak melaksanakannya dia dianggap telah berhutang kepada isterinya.
4. Jumlah bayaran yang perlu dibayar oleh isteri kepada suami kerana perceraian *khulu'* (tebus talaq); iaitu isteri membayar suaminya dengan tujuan agar dia diceraikan oleh suaminya dan sebagai balasan isteri membayar suaminya sejumlah wang yang dipersetujui oleh kedua-duanya. Melalui kaedah ini dapat mengelakkan perselisihan dan pergaduhan sesama mereka sebelum mahupun selepas perceraian.
5. Amalan *Al-Dayn* dalam institusi kewangan; mengajak mereka agar berusaha menyelesaikan masalah secara kerjasama.

### 3. Analisis dan Kaji Selidik

Kaji selidik bertajuk ‘*Al-Qard* dan *Al-Dayn* Serupa Tapi Tidak Sama’ ini telah diedarkan melalui ‘*google form*’ kepada pelajar-pelajar sekolah dan di peringkat Institut pengajian tinggi secara atas talian (*online*) bertujuan untuk mengetahui sejauhmana pelajar-pelajar ini mengetahui dan memahami perbezaan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* ini dan pemahaman mereka menurut istilah kedua-duanya dalam Bahasa Melayu. Kaji selidik tersebut telah berhasil memperoleh sebanyak 50 respon. Tempoh kaji selidik ini


adalah bermula pada 1 April 2022 sehingga 28 Mei 2022. Hasil kajian dan analisis adalah sepertimana berikut:

Latar belakang umur telah dipecahkan kepada dua bahagian iaitu responden yang berumur 17 tahun dan ke bawah, 18 tahun dan ke atas. Tujuan pembahagian umur ini adalah untuk mengkaji sejauh mana tahap pemahaman mereka mengikut peringkat umur iaitu bermula daripada usia remaja, belia sehingga kepada golongan orang dewasa. Kaji selidik ini memfokuskan kepada pelajar-pelajar sekolah dan pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi di Brunei Darussalam yang berugama Islam.

Seramai 90% daripada responden telah menjawab kaji selidik ini yang terdiri daripada mereka yang berumur dalam lingkungan 18 tahun dan ke atas iaitu merupakan responden yang tertinggi. Rata-rata responden adalah dikalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi iaitu sebanyak 90% diikuti responden-responden daripada pelajar-pelajar sekolah iaitu sebanyak 10%.

Responden tertinggi ialah dalam kalangan pelajar-pelajar daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali iaitu sebanyak 38% respon. Diikuti dengan 20% responden daripada pelajar-pelajar kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Manakala selebihnya ialah daripada pelajar-pelajar daripada Institusi Pengajian Tinggi yang lain dan pelajar-pelajar di peringkat sekolah iaitu pusat tingkatan enam.

## INSTITUSI PENGAJIAN



Rajah 1: Pecahan Responden (Kaji Selidik)

### **3.1 Pemahaman Pelajar-Pelajar Mengenai *Al-Qard* & *Al-Dayn***


Berdasarkan kaji selidik ini juga, disertakan beberapa soalan-soalan kepada responden sebagai tujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pemahaman mereka lebih-lebih lagi di kalangan pelajar-pelajar sekolah dan Institut pengajian tinggi mengenai *Al-Qard* dan *Al-Dayn* itu sendiri. Ini dinilai berdasarkan kepada pengetahuan mereka.

#### **Pemahaman Mengenai *Al-Qard***

Menerusi kaji selidik tersebut responden- responden diberi pilihan untuk mengkategorikan *Al-Qard* menerusi sepuluh keadaan dan situasi yang telah disenaraikan di bawah:

1. Peminjam meminjam wang daripada seseorang kemudian membayar balik dengan nilai yang sama. (*Al-Qard*)
2. Bayaran ke atas sewa. (*Al-Dayn*)

3. Jumlah bayaran yang mesti dibayar isteri kerana perceraian melalui khulu' (tebus talaq). (*Al-Dayn*)
4. Pinjaman wang untuk pendidikan. (*Al-Qard*)
5. Pinjaman wang untuk mengerjakan haji/umrah. (*Al-Qard*)
6. Ganti rugi yang mesti dibayar kerana jenayah (*arsy*). (*Al-Dayn*)
7. Jumlah yang perlu dibayar suami sebagai mahar (mas kahwin) isteri. (*Al-Dayn*)
8. Pinjaman wang untuk modal perniagaan. (*Al-Qard*)
9. Bank memberi pinjaman kepada peminjam dan peminjam memulangkan wang tanpa ada tambahan/imbalan. (*Al-Qard*)
10. Ganti rugi disebabkan kerosakan ke atas sesuatu harta yang bukan miliknya. (*Al-Dayn*)



Rajah 2: Pilihan *Al-Qard* responden berdasarkan situasi (Kaji Selidik)


Daripada carta di atas dapat dilihat bahawa majoriti responden-responden memahami maksud *Al-Qard* dan mengetahui situasi dan keadaan yang berhubung-kait dengannya. Iaitu 5 situasi *Al-Qard* daripada 10 situasi yang telah disenaraikan.

Majoriti responden telah menjawab dengan betul dan tepat. Terutama bagi situasi pertama (peminjam meminjam wang daripada seseorang kemudian membayar balik dengan nilai yang sama) dan situasi ke lima (Pinjaman wang untuk mengerjakan haji/umrah) dengan menerima respon sebanyak 87% dan 75%.

Walaubagaimanapun, masih terdapat segelintir yang masih keliru akan maksud sebenar *Al-Qard* dengan mengkategorikan ‘bayaran sewa’ dan ‘Jumlah yang perlu dibayar suami sebagai mahar (mas kahwin) isteri’ sebagai sebahagian daripada *Al-Qard* dengan purata respon ialah sebanyak 25% dan 19%.

Menerusi kaji selidik tersebut dapat dijelaskan di sini bahawa purata responden memahami maksud pinjaman (*Al-Qard*). Iaitu lebih menjurus kepada pinjaman kewangan dan bayaran balik adalah dengan kadar yang sama tanpa ada imbalan atau tambahan, kecuali peminjam tersebut dengan rela hati dan ikhlas memberikan lebih sebagai saguhati dan tanda terima kasih kepada pemutang.

### Pemahaman Mengenai *Al-Dayn*



Rajah 3: Pilihan *Al-Dayn* Responden berdasarkan situasi (Kaji Selidik)

Seperti yang diterangkan sebelumnya, *Al-Dayn* ini adalah lebih umum dan luas kerana *Al-Qard* itu sendiri adalah juga sebahagian daripada *Al-Dayn*. Walau bagaimanapun, soalan yang diajukan kepada responden-responden adalah mereka diberi pilihan untuk memilih dan mengkategorikan *Al-Dayn* dalam situasi yang berkaitan dengan tanggungan atau hutang sahaja daripada sepuluh keadaan yang telah disenaraikan tersebut. Pilihan jawapan-jawapan mereka hendaklah tidak termasuk situasi yang serupa dengan pinjaman (*Al-Qard*) seperti jawapan mereka sebelumnya.

Menerusi carta di atas, di sini dapat disimpulkan majoriti pelajar-pelajar masih keliru akan perbezaan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* secara umum. Ini kerana rata-rata responden-responden masih memilih jawapan yang sama seperti sebelumnya dan menganggap kedua-dua *Al-Qard* dan *Al-Dayn* adalah sama sahaja.

Sepertimana berdasarkan jawapan kaji selidik yang sama, seramai 27% responden-responden telah memilih situasi kelapan (pinjaman wang untuk modal perniagaan) dan mengkategorikannya sebagai *Al-Dayn* di bawah tanggungan dan hutang. Adapun jawapan yang sepatutnya ialah *Al-Qard* bukan *Al-Dayn*. Begitu juga dengan pilihan situasi kesembilan (bank memberi pinjaman kepada peminjam dan peminjam memulangkan wang tanpa ada tambahan/imbalan) dengan respon seramai 35%.

Majoriti responden masih menganggap pinjaman *Al-Qard* sebagai tanggungan atau hutang di bawah *Al-Dayn*. Jelas di sini bahawa pemahaman pelajar-pelajar mengenai *Al-Qard* dan *Al-Dayn* adalah sama dan jikapun mereka mengetahuinya tahap pemahaman mereka juga masih samar-samar dan kurang jelas.

Dapat disimpulkan di sini bahawa kemungkinan pelajar-pelajar itu sendiri keliru akan maksud sebenar perkataan tanggungan atau hutang tersebut. Menerusi kaji selidik yang sama, rata-rata pelajar-pelajar menyimpulkan seakan-akan makna dan maksud perkataan ‘tanggungan’ (*Al-Dayn*) dan perkataan ‘pinjaman’ (*Al-Qard*) adalah sama dan tidak ada perbezaan dari segi definisinya.

### **3.2 Pandangan Peribadi Pelajar-Pelajar mengenai Penggunaan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* dalam Istilah Bahasa Melayu**

Selain daripada senarai soalan-soalan dan pilihan-pilihan yang telah disediakan di dalam kaji selidik tersebut, responden-responden juga dialukan-alukan untuk memberi sedikit sebanyak pandangan-pandangan dan pendapat peribadi mereka yang menyentuh dan berhubung kait dengan *Al-Qard* dan *Al-Dayn*.

#### **Pandangan Pelajar-Pelajar Mengenai Penggunaannya Dalam Istilah Bahasa Melayu**

Seramai 81% responden-responden mengatakan mereka bersetuju bahawa apa sahaja jenis dan bentuk bayaran, tanggungan atau ganti rugi yang belum dilangsangkan dan belum disempurnakan itu disebut sebagai pinjaman atau hutang (*Al-Qard*). Manakala selebihnya iaitu 19% tidak mempersetujuinya dan mereka mendefinisikan situasi di atas dengan istilah yang lain dan bukan pinjaman atau hutang.

Selain itu juga, responden-responden juga diminta untuk memberi pandangan mengenai adakah terdapat terma atau perkataan tertentu lain bagi maksud ‘tanggungan’ atau ‘hutang (*Al-Dayn*) dalam mana-mana Bahasa Melayu rasmi atau Bahasa Brunei yang boleh diguna pakai oleh pelajar-pelajar. Ini bertujuan agar pelajar-pelajar dapat membezakan

penggunaan perkataan ‘pinjaman’ (*Al-Qard*) dan perkataan ‘tanggungan’ atau ‘hutang (*Al-Dayn*).

Berdasarkan kaji selidik tersebut, rata-rata responden iaitu seramai 97% iaitu merupakan responden yang tertinggi mengatakan ‘tidak ada’ istilah atau perkataan yang khusus yang dapat mendefinisikan perkataan (*Al-Dayn*) tersebut dalam istilah Bahasa Melayu atau Bahasa Brunei. Ini kerana ‘*Al-Dayn*’ itu sendiri terlalu umum dan merangkumi semua bukan sahaja tanggungan atau hutang akan tetapi pinjaman atau hutang juga termasuk di bawah *Al-Dayn*. Oleh kerana itu, tidak ada perkataan atau istilah khusus yang dapat diguna pakai oleh pelajar-pelajar sebagai salah satu inisiatif untuk mendefinisikan perkataan (*Al-Dayn*) itu sendiri.

### **Pendedahan Dan Penerangan Semula Kepada Pelajar-Pelajar**

Menerusi kaji selidik ini juga, disertakan penerangan dan penjelasan semula maksud sebenar *Al-Qard* dan *Al-Dayn* secara ringkas dan padat berserta contoh. Tujuan penjelasan ini adalah untuk mengetahui adakah selepas penjelasan tersebut pelajar-pelajar akan lebih faham perbezaan di antara *Al-Qard* dan *Al-Dayn*.

Majoriti iaitu seramai 88% daripada responden-responden memahami perbezaan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* selepas disertai penerangan ringkas dan padat. Walaubagaimanapun, masih juga terdapat segelintir yang keliru akan penerangan tersebut.

Berkemungkinan pemakaian Bahasa Melayu itu sendiri mendefinisikan ‘pinjaman’, ‘hutang’, ‘tanggungan’ dan ‘hutang dengan maksud yang lebih kurang sama. Berbeza pula jika merujuk daripada istilah Bahasa Arab, penjelasan dan penerangan mengenai kedua-duanya lebih

terperinci dan perbezaannya juga dapat difahami. Selain itu, menerusi istilah Bahasa Arab juga mereka telah mengkategorikan kedua-duanya dengan kata nama, panggilan dan penerangan yang berbeza-beza.

### **3.3 Cadangan dan Penambahbaikan daripada Hasil Kaji Selidik**

Menerusi kaji selidik berikut dapat kita simpulkan di sini bahawa penggunaan perkataan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Brunei adalah lebih kurang sama dan kadang-kadang kedua-dua *Al-Qard* dan *Al-Dayn* ini rata-rata penggunaan istilah dan berkongsi makna yang sama dalam terjemahan Bahasa Melayu dan Bahasa Brunei. Sedangkan penggunaan kedua-duanya sering dipakai oleh pelajar-pelajar bahkan masyarakat Melayu sehingga kini. Ini secara langsung menimbulkan kekeliruan dikalangan pelajar-pelajar lebih-lebih lagi mereka yang diperingkat belia jika isu *Al-Qard* dan *Al-Dayn* berbangkit sebagai contoh penggunaannya di dalam mana-mana institusi-institusi kewangan Islam atau yang seumpama dengannya.

Ini secara tidak langsung akan menimbulkan impak yang besar seperti penggunaan kedua-dua perkataan akan menjadi bercampur baur secara praktikal. Sedangkan pelajar-pelajar boleh ditekankan lebih awal akan kepentingan dan perbandingan bagi kedua-duanya di peringkat pembelajaran mereka. Jika diberikan penekanan diperingkat awal, pendedahan dan perkongsian pelajar-pelajar nanti kepada masyarakat mengenainya lebih berkesan dan berpengaruh luas. Melalui cara ini sahaja sedikit sebanyak boleh membantu masyarakat luar untuk membezakan keduanya tanpa perlu merujuk kepada mana-mana *platform* kerana pendedahan yang effektif daripada pelajar-pelajar tersebut jika ditekankan mengenai isu ini dengan lebih awal.

Oleh kerana itu, adalah lebih baik jika pihak-pihak yang berkaitan dan yang selayaknya untuk membina satu istilah atau perkataan yang baru dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Brunei yang khusus untuk mendefinisikan perbezaan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* itu sendiri. Ini bertujuan agar memudahkan masyarakat khususnya pelajar-pelajar untuk membezakan penggunaan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* dalam pembelajaran dan kehidupan mereka tanpa perlu menimbulkan kekeliruan yang memerlukan penerangan dan penjelasan semula kepada mereka mengenai perbezaan keduanya.

Selain daripada kaedah di atas, terdapat juga kaedah lain seperti dengan menggunakan istilah ‘perkataan pinjam’. Iaitu menggunakan sendiri perkataan ‘*Al-Qard*’ dan ‘*Al-Dayn*’ yang dipinjam daripada Bahasa Arab dan menggunakan dalam Bahasa Melayu atau ke dalam Bahasa Brunei juga difikirkan satu inisiatif yang juga dipikirkan patut, elok dan baik. Selain memasukkan penerangannya di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka agar memudahkan masyarakat khususnya pelajar-pelajar untuk merujuk sebagai menambah pengetahuan mereka dengan mudah dan effisien. Sepertimana perkataan amanah iaitu perkataan pinjam daripada Bahasa Arab (أمانة).

Selain itu juga, jalan yang lebih mudah adalah dengan mengamalkan dan mempraktikkan sendiri perkataan ‘tanggung’ (tanggungan) dan hutang itu di mulut-mulut masyarakat sebagai bahasa kebiasaan mereka selain kegunaannya dalam keadaan formal sahaja seperti manajemen kebiasaan yang diamalkan sekarang. Berbeza dengan perkataan ‘pinjam’ (pinjaman) yang sudah menjadi perkataan yang biasa dan di mulut-mulut masyarakat. Ini kerana adalah difahami, berkemungkinan untuk masyarakat

mengamalkan bahasa baharu atau ‘perkataan pinjam’ itu sendiri lebih memerlukan kempen atau komitmen yang tinggi kerana perkataan-perkataan ini jarang-jarang sekali didengar oleh masyarakat apatah lagi dikalangan pelajar-pelajar.

Ini berbeza dengan mengamalkan sendiri perkataan ‘tanggung’ (tanggungan) atau hutang itu sendiri kerana seperti yang sedia maklum perkataan ini bukan perkataan baru dan majoriti juga pernah mendengar perkataan-perkataan tersebut hanya sahaja penggunaannya tidak meluas untuk kegunaan sehari-hari atau di dalam percakapan kebiasaan masyarakat terutama pelajar-pelajar kerana perkataan-perkataan tersebut hanya tertumpu pada keadaan formal sahaja.

Oleh itu, penekanan perkataan ini di peringkat pelajar-pelajar sekolah mahupun di Institut pengajian tinggi adalah sangat digalakkan dan difikirkan satu tindakan yang wajar. Ini kerana pendedahan di peringkat awal adalah sangat perlu untuk meningkatkan penggunaan bahasa Melayu itu sendiri dikalangan pelajar-pelajar agar penggunaannya lebih meluas dan komprehensif.

## Penutup

Di sini dapat disimpulkan bahawa kedua-dua *Al-Qard* dan *Al-Dayn* adalah merupakan dua konsep yang berbeza-beza walaupun pada dasarnya adalah seakan-akan sama iaitu berhubung kait dengan pinjaman dan tanggungan. Bermula dengan akad itu sendiri kedua-dua konsep ini menunjukkan akad yang berbeza. *Al-Qard* adalah lebih tertumpu kepada akad pinjaman atau hutang-piutang secara spesifik berbanding *Al-Dayn* yang lebih umum dan meluas akadnya dan perlu mengikuti keadaan dan situasi tertentu. Ini kerena konsep *Al-Dayn* lebih luas sehingga di dalamnya merangkumi *Al-Qard*, berbeza dengan *Al-Qard* konsepnya lebih kecil dan tertumpu kepada pinjaman yang khusus semata-mata. Di samping itu juga, menerusi kaji selidik yang telah diadakan tersebut, mendapati bahawa terdapat kekeliruan dalam kalangan pelajar-pelajar itu sendiri akan perbezaan di antara *Al-Qard* dan *Al-Dayn*. Rata-rata masih menganggap bahawa *Al-Qard* dan *Al-Dayn* adalah berkongsi maksud dan istilah yang sama. Sedangkan penggunaan kedua-duanya tidak asing lagi dan sudah menjadi kebiasaan dalam kalangan masyarakat Melayu di Brunei Darussalam khususnya pelajar-pelajar hanya sahaja penafsirannya yang mengelirukan mereka. Kekeliruan mereka dalam memahami dan mengenal pasti perbezaan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* ini ditakuti menimbulkan isu dan permasalahan lain yang berkemungkinan akan berbangkit lebih-lebih lagi jika penggunaannya berhubung kait dengan institusi-institusi kewangan. Penggunaan *Al-Qard* dan *Al-Dayn* ini pada dasarnya jika dilihat dengan mata kasar kedua-duanya seakan-akan serupa pada zahirnya sedangkan hakikatnya kedua-duanya berbeza-beza.

## Bibliografi

- Abd Al-Rahman Al-Jaziri (t.t), *Al-Fiqh ala Mazahib Al-Arbaah*, Mesir, Al-Maktabah Al-Tijariyyah Al-Kubra.
- Abu Bakr Ahmad Bin Ali Al-Razi Al-Jassas (t.t), *Ahkam Al-Quran*, Beirut, Lubnan, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Abu Al-Fadl Jamal Al-Din Muhammad bin Al-Mukarram bin Manzur. (2003). *Lisan Al-Arab*, Jilid 3, Kaherah, Dar Al-Hadith.
- Abu Ishak Ibrahim bin Ali (t.t), *Al-Muhadhab fi Fiqh Al-Imam Al-Syafie*, Beirut, Lubnan, Dar Al-Qalam.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad ibn Ismail. (1993). *Sahih Al-Bukhari*, Damsyiq, Syria, Dar Ibnu Kathir Dar Al-Yamamah.
- Ali bin Muhammad bin Al-Sayyid Al-Sharif Al-Jurjani. (t.t). *Mu'jam Al-tarifat*, Kaherah, Mesir, Dar Al-Fadilah.
- Al-Jaziri, Abdurrahman. (t.t). *Kitab Al-Fiqh 'Ala Madhahib 'Arba'ah*, Jilid 2, Beirut, Dar Al-Kitab Al-'Alamiyyah.
- Al-Misbah Al-Munir. (2007). *Tafsir Ibnu Kathir*, Riyadh, Arab Saudi, Maktabah Dar As-Salam.
- Al-Ramly, Abu Al-Abbas Ahmad bin Hamzah. (1938). *Nihayah Al-Muhtaj*, Mesir, Mustafa Al-Bab Al-Halabi.
- Al-Wizarah Al-Awkaf wa Shuun Al-Islamiyyah. (1992). *Al-Mawsuah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaytiyyah*, Kuwait, Dar As-Salasil.

Hammad Nazih. (2001). *Qadaya Fiqhiyyah Mua'sirah fi Al-Mal wa Al-Iqtisad*, Damsyiq, Dr Al-Qalam.

Ibnu Hazm Al-Andalusy. (1931). *Al-Muhalla*, Mesir, Matbaah Al-Muniriyyah.

Ibnu Majah. (t.t). *Sunan Ibnu Majah*, (t.t), Dar Ihya Al-Kutub Al-Arabiyyah.

Kaji Selidik, “*Al-Qard & Al-Dayn* Serupa Tapi Tidak Sama” bertarikh 1 April 2022 sehingga 15 April 2022 melalui *Google Form*.

Mardani. (2012). *Fiqh Ekonomi Islam Fiqh muamalah: Qard Dalam Duia Lembaga Kewangan Syariah*, Cetakan Pertama, Jakarta, Indonesia, (t.p).

Muhyi Al-Din Al-Qurradghi. (2001). *Buhuth fi Al-Fiqh Al-Muamatat Al-Maliyyah Al-Muasirah*, Beirut, Lubnan, Mu'assasah Al-Basyair Al-Islamiyyah.

Muslim, Abu Husain Muslim bin Hajjaj Al-Naisaburi. (2010). *Sahih Muslim*, Beirut, Lubnan, Dar Abnu Hazm.

Nor Aini Ali, Nor ‘Azzah Kamri & Suhaili Sarif. (2017). Hubungan Penghutang dan Pembiutang menurut Prespektif Hadith, *Jurnal Al-Bayan*.

Sayyid Sabiq. (1983). *Fiqh Al-Sunnah*, Beirut, Lubnan, Dar Al-Fikr.

Syahnaz Binti Sulaiman. (t.t). *Konsep Pinjaman Menurut Prespektif Islam*, Malaysia, (t.p).

Wafa Muhammad Izzat Al-Syarif. (2010). *Nizam Al-Duyun*, Jordan, Dar Al-Nafais.

Wahbah Al-Zuhaily. (1985). *Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu*,  
Damsyiq, Syria, Dar Al-Fikr.

Wahbah Al-Zuhaily. (1997). *Al-Tamwil Al-Iqtisadi ‘Aqd Al-Salam*  
*wa Al-Istisna fi Al-Fiqh Al-Islami*, Damsyiq, Syria, Dar Al-Maktabi.

Wahbah Al-Zuhail. (2009). *Al-Muamalat Al-Maliyyah Al-Muasirah*, Damsyiq, Syria, Dar Al-Fikr.

Warta Kerajaan. (2018). Perintah Kanun Hukuman Jenayah Mahkamah Syariah 2018, Brunei Darussalam.

Zulkifli Bin Mohammad Al-Bakri. (2011). *Kewangan Islam Dalam Fiqh Syafi'i*, Kuala Lumpur Malaysia, IBFIM.

Laman Sesawang: Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017).  
Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Malaysia.  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>

